

08/08/2000

Konvensyen negeri untuk mantapkan parti

KUALA LUMPUR, Isnin - Pergerakan Pemuda Umno Malaysia akan menganjurkan Konvensyen Pemuda Umno Negeri bagi memantapkan struktur serta membentuk hala tuju parti berdasarkan maklum balas daripada ahli di peringkat akar umbi.

Penolong Setiausaha Pemuda Umno, Zulkifli Mohd Alwi, berkata pendekatan itu adalah bagi memastikan ahli biasa dalam parti dapat menyumbangkan cadangan serta pendapat bagi memperkukuhkan parti itu.

"Konvensyen yang bermula September ini akan disertai pucuk pimpinan Umno sendiri bagi membolehkan ahli biasa menerima penjelasan daripada pemimpin mengenai perjuangan parti.

"Konvensyen ini turut menjadi forum barisan Pemuda merangka agenda bertindak untuk mengemudi parti ke alaf baru," katanya dalam sidang akhbar di ibu pejabat Pemuda Umno di sini, hari ini.

Konvensyen itu membabitkan lima zon iaitu Zon Sabah, Zon Utara (Kedah, Perlis dan Pulau Pinang); Zon Tengah (Wilayah Persekutuan, Perak dan Selangor); Zon selatan (Melaka, Negeri Sembilan dan Johor) dan Zon Timur (Kelantan Terengganu dan Pahang).

Zon Sabah memulakan konvensyen pada 9 September ini, diikuti Zon Utara (16 September); Zon Tengah (24 September); Zon Selatan (1 Oktober) dan Zon Timur (7 Oktober).

Peserta Konvensyen akan membahaskan tiga ucapan pemimpin Umno dan dua daripadanya ialah ucapan dasar presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, semasa Perhimpunan Agung Umno Mei lalu.

Selain itu, ucaptama tiga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak; Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, masing-masing ketika merasmikan konvensyen di Zon Utara, Zon Selatan dan Zon Tengah, akan turut dibahaskan.

Ia termasuk ucaptama yang akan disampaikan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob di Zon Tengah dan Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapha Mohamed di Zon Timur.

(END)